

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
[GERIK]

SOALAN

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah strategi yang digunapakai oleh pihak Kementerian dalam mempertingkatkan jumlah peluang pekerjaan yang berpendapatan tinggi di kawasan luar bandar terutamanya golongan muda.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Visi dan misi Kerajaan adalah selaras dengan hasrat dalam Manifesto Pakatan Harapan iaitu untuk menyediakan 1 juta peluang pekerjaan dalam masa 5 tahun pertama pentadbiran serta meningkatkan kualiti pekerjaan dan kadar guna tenaga mahir. Bagi mencapai hasrat ini, beberapa inisiatif sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan. Antara inisiatif yang sedang dilaksanakan adalah:

- (i) meningkatkan pelaburan nilai tinggi melalui *foreign direct investment* (FDI) dan *domestic direct investment* (DDI) bagi meningkatkan penghasilan pekerjaan yang bersifat *high value jobs* dan *knowledge worker* (k-worker) agar kadar upah yang tinggi dapat dinikmati oleh golongan ini;
- (ii) melaksanakan latihan-latihan kemahiran yang bersifat *internship* seperti latihan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) untuk meningkatkan kebolehpasaran pelajar;

SOALAN NO : 187

- (iii) menyediakan insentif-insentif untuk syarikat bagi memperbanyakkan elemen-elemen berteknologi tinggi yang dijangka akan meningkatkan jumlah peluang pekerjaan berkemahiran tinggi; dan
- (iv) mengadakan sesi libat urus bersama industri bagi membincangkan isu sekali gus mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing.

2. Bagi mempertingkatkan peluang pekerjaan seterusnya taraf dan kualiti hidup masyarakat khususnya di kawasan luar bandar, Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) juga telah melaksanakan pelbagai strategi dan pendekatan melibatkan aspek sosioekonomi dan fizikal yang dilaksanakan melalui program-program berikut:

- (i) Program Khas Keusahawanan MARA untuk membangunkan usahawan dalam industri berpotensi memberi pendapatan tinggi secara berpakej. Program ini adalah merupakan platform untuk menyalurkan maklumat yang tepat dan betul kepada masyarakat luar bandar mengenai program-program keusahawanan di bawah MARA dan agensi-agensi keusahawanan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Antara contoh program khas adalah seperti Program Wanita Inspirasi Ekonomi (WISE), MERCU, HIT *Barber*, *MARA in Fashion (MIF)*, *Gate to Global (GTG)*, *Beauty in Business (Biss)*, *ProSPEC*, *PROWHEELS* dan lain-lain;
- (ii) Program Desa Lestari iaitu program memperkasa ekonomi penduduk luar bandar melalui koperasi dengan membuka peluang pekerjaan baharu serta peluang peningkatan pendapatan kepada penduduk;

SOALAN NO : 187

- (iii) Program Desa Harapan merupakan jalinan kerjasama antara KPLB dengan pihak swasta/badan korporat dengan matlamat untuk menjana pendapatan dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat luar bandar khususnya belia melalui sokongan dan bantuan dalam aspek sosioekonomi, pendidikan dan kualiti hidup penduduk luar bandar;
- (iv) Program Desa Pintar yang merupakan inisiatif bagi mempertingkatkan capaian internet dan jalur lebar luar bandar bagi meningkatkan akses kepada internet dan menggalakkan perniagaan secara atas talian;
- (v) Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) bagi membasmi kemiskinan luar bandar bagi memastikan kumpulan sasaran (miskin/miskin tegar) dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih baik. Antara program terlibat di bawah SPKR adalah:
 - (a) Program Peningkatan Pendapatan (PPP) yang merupakan bantuan dalam bentuk peralatan dan latihan secara *one-off* kepada golongan miskin/miskin tegar/B40 luar bandar; dan
 - (b) Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) yang merupakan bantuan kewangan untuk latihan kemahiran kepada kumpulan sasaran bagi mengikuti latihan jangka pendek, sederhana dan panjang termasuk kemahiran asas Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) Sijil Kemahiran Malaysia SKM I, SKM II, dan SKM III.
- (vi) Program Prasarana Asas Luar Bandar yang mana penyediaan prasarana dan kemudahan asas yang lengkap di luar bandar adalah menjadi keutamaan dan penting supaya masyarakat luar bandar tidak ketinggalan dalam arus kemajuan Negara.